



**Nestlé** Good food, Good life

## **Siaran Akhbar**

Petaling Jaya, 1 November 2022

### **Nestlé Malaysia Sumbang RM200,000 kepada Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia Untuk Sokong Usaha Bantuan Banjir Menjelang Musim Monsun**

**PETALING JAYA, 1 November 2022** – Sejalan dengan usaha berterusan Syarikat untuk menyantuni masyarakat menerusi program Tanggungjawab Sosialnya, Nestlé (Malaysia) Berhad telah menyumbang RM200,000 kepada Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia (PBSM). Sumbangan ini akan dimanfaatkan untuk membantu kerja-kerja persiapan yang dilakukan oleh PBSM untuk menyokong keluarga-keluarga yang mungkin terkesan akibat musim monsun.

Sumbangan kepada PBSM termasuk wang tunai RM100,000 untuk membeli pek kebersihan keluarga. Setiap pek kebersihan mengandungi berus gigi, ubat gigi, detergen, tuala, pisau cukur pakai buang, tuala wanita, tisu tandas dan sabun untuk bekalan sebulan, di samping baldi dan gayung. Selain pek kebersihan ini, Nestlé juga menyumbang produk makanan Nestlé bernilai RM100,000 untuk diagihkan oleh PBSM kepada golongan yang terkesan.

En. Juan Aranols, Ketua Pegawai Eksekutif Nestlé (Malaysia) Berhad, berkata, “Kami sentiasa bersyukur atas sokongan dan minat yang ditunjukkan oleh rakyat Malaysia terhadap jenama-jenama kami. Justeru, kami ingin menghulurkan bantuan dengan memainkan peranan aktif dalam usaha membantu keluarga-keluarga yang memerlukan. Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia menjalankan tanggungjawab untuk membantu golongan yang terkesan akibat banjir dengan hebat dan kami ingin menyokong usaha mereka untuk bersiap sedia menghadapi musim monsun yang akan datang ini.”

“Kita semua sememangnya tahu bahawa musim tengkujuh dan risiko banjir yang timbul daripadanya adalah satu masa yang mencabar bagi ramai keluarga yang tinggal di kawasan-kawasan yang terdedah kepada banjir. Kami menyanjung tinggi kerja-kerja yang dilakukan oleh PBSM untuk melindungi dan berkhidmat kepada masyarakat yang memerlukan ini. Kami hanya menyumbang sedikit sebanyak kepada usaha ini dan kami menyeru organisasi-organisasi lain serta rakyat Malaysia agar turut sama menyumbang bagi mengukuhkan semangat perpaduan sesama kita.”

Yang Teramat Mulia Tunku Puteri Intan Safinaz binti Almarhum Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah, Pengerusi PBSM berkata, “Kami berbesar hati menerima sumbangan ikhlas ini daripada Nestlé dan kami sangat menghargai usaha mereka untuk menjadi sebuah perniagaan yang bertanggungjawab dengan menyantuni rakyat Malaysia. Ternyata langkah membantu dan menjaga golongan rentan memerlukan kerjasama erat, dan sumbangan daripada Nestlé ini sudah pasti akan membantu kami mencapai matlamat tersebut.”

Sejajar dengan komitmen jangka panjang Nestlé Malaysia untuk membantu golongan yang memerlukan, Syarikat sebelum ini telah menyumbang RM1.2 juta kepada PBSM untuk menaik taraf peralatan perubatan kecemasan dalam ambulans mereka pada 2020. Selama ini, Nestlé Malaysia juga telah bekerjasama dengan PBSM menerusi pelbagai inisiatif, termasuk penyampaian bekalan makanan & minuman dari semasa ke semasa pada musim monsun, dan juga penyampaian bantuan COVID-19 kepada petugas barisan hadapan dan golongan yang terkesan akibat pandemik.

###

### **Mengenai Nestlé Malaysia**

Nestlé merupakan pengeluar makanan dan minuman terbesar di dunia. Beribu pejabat di Switzerland, Nestlé beroperasi di lebih 180 negara di seluruh dunia, dan seramai lebih 270,000 orang kakitangan kami komited terhadap matlamat Nestlé, yang berusaha memanfaatkan kelebihan makanan untuk meningkatkan kualiti kehidupan untuk semua insan, masa kini dan untuk generasi masa depan. Prestasi kami dipacu oleh strategi Pemakanan, Kesihatan dan Kesejahteraan kami. Menjana khasiat rakyat Malaysia sejak 1912, Nestlé telah meraih kepercayaan para pengguna kami menerusi jenama dan produk kami yang bermutu tinggi. Kami juga komited untuk mempertingkatkan kualiti kehidupan masyarakat di mana kami beroperasi, sambil mengekalkan kecemerlangan dan ketelusan produk Halal kami.

Ini sejajar dengan janji kami untuk menawarkan GOOD FOOD, GOOD LIFE kepada semua. Untuk ketahui lebih lanjut tentang usaha kami menjana khasiat rakyat Malaysia melebihi seabad, sila layari [www.nestle.com.my](http://www.nestle.com.my) atau kunjungi laman Facebook kami di <http://www.facebook.com/NestleMalaysia>.

---

**Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:**

**Shaheen Zaffar**

Nestlé (Malaysia) Berhad

Tel: (+603) 7965 6456  
+6012-235 6865

E-mel: [shaheen.mohamedzaffar@my.nestle.com](mailto:shaheen.mohamedzaffar@my.nestle.com)

**Farah Iman atau Yasmin Kadir**

acorn communications

Tel: (+603) 7958 8348  
+60 12 334 1841 (Farah Iman) atau  
+6017 237 9048 (Yasmin)

E-mel: [acorncommunications@acornco.com.my](mailto:acorncommunications@acornco.com.my)